

**Titah Yang di-Pertuan Agong Perlu Diberi Perhatian, Dilaksanakan Anggota
Parlimen
Bernama
25 Jun, 2013**

KUALA LUMPUR, 25 Jun (Bernama) -- Titah Yang di-Pertuan Agong Tuanku Abdul Halim Mu'adzam Shah pada perasmian pembukaan mesyuarat penggal pertama Parlimen ke-13 perlu diberi perhatian dan dilaksanakan setiap anggota Parlimen.

Beberapa anggota Parlimen menyifatkan titah yang merangkumi pelbagai aspek permasalahan rakyat itu amat tepat kerana ia antara lain menggesa penambahbaikan dilakukan bagi menjamin kesinambungan agenda transformasi negara.

Menteri Kemajuan Luar Bandar dan Wilayah Datuk Seri Mohd Shafie Apdal berkata titah Tuanku Abdul Halim supaya semua pihak menerima keputusan Pilihan Raya Umum ke-13 (PRU13) dan kepentingan untuk bersatu serta memperkukuhkan perpaduan menjadi kunci kepada pembangunan negara yang berterusan.

"Oleh itu, rakyat perlu menerima keputusan pilihan raya dan bersama-sama bergerak ke hadapan bagi meneruskan agenda transformasi," katanya ketika ditemui selepas upacara perasmian itu di sini.

Yang di-Pertuan Agong hari ini merasmikan pembukaan Mesyuarat Pertama, Penggal Pertama Parlimen ke-13 selepas PRU13 Mei lepas.

Raja Permaisuri Agong Tuanku Hajah Haminah turut berkenan berangkat ke majlis itu.

Menteri Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat Datuk Rohani Karim pula berkata beliau menghargai pandangan baginda mengenai pentingnya kesejahteraan institusi keluarga selain menitikberatkan penglibatan guna tenaga wanita di pasaran pekerjaan.

"Kementerian akan mengadakan kerjasama dengan syarikat berkaitan kerajaan (GLC) untuk menempatkan sekurang-kurangnya seorang wanita di syarikat itu. Sekiranya, syarikat itu tidak dapat mencari wanita yang berpotensi, kementerian sudah menyediakan satu kumpulan yang mempunyai 360 wanita untuk diletakkan di mana-mana GLC," katanya.

Menteri Sumber Asli dan Alam Sekitar Datuk Seri G. Palanivel pula menyifatkan titah baginda sebagai satu ucapan yang tepat dengan membawa mesej kuat ke arah persefahaman antara kaum di negara ini. "Kita harus membuang titik perpecahan dan meneruskan proses transformasi pembangunan negara di bawah kepimpinan Perdana Menteri Datuk Seri Najib Tun Razak, agar mencapai negara maju menjelang tahun 2020," kata beliau.

Menteri di Jabatan Perdana Menteri Senator Datuk Paul Low Seng Kuan berkata titah baginda dilihat sangat progresif ke arah perubahan globalisasi apabila isu integriti, transformasi dan tadbir urus baik untuk membanteras rasuah diberi penekanan.

"Bagi saya, titah tersebut sebenarnya memberi inspirasi kepada kedua-dua pihak sama ada kerajaan atau pembangkang untuk memainkan peranan yang lebih proaktif untuk mengubah negara ke arah yang lebih baik.

"Keputusan pilihan raya telah ditentukan, dan kita mesti menerimanya dengan hati terbuka demi memajukan ekonomi dan bukannya berterusan membuat protes kerana ia hanya akan terus memecah belahkan masyarakat," katanya.

Anggota Parlimen Tanjung Karang, Datuk Seri Noh Omar berkata titah Yang di-Pertuan Agong hari ini memberi penekanan kepada perpaduan dan mengulangi intipati sumpah anggota Dewan Rakyat semalam.

Anggota Parlimen Ayer Hitam Datuk Ir Dr Wee Ka Siong pula berkata rakyat perlu mengambil iktibar mengenai titah itu, serta menghormati keputusan pilihan raya umum, selain menumpukan kepada pembangunan daripada terus mempertikai perkara-perkara yang tidak mendatangkan manfaat.

Tan Sri Annuar Musa (BN-Ketereh) pula berkata anggota Parlimen perlu menunaikan tanggungjawab sebagai seorang yang telah diberi mandat oleh rakyat kerana apa yang diputuskan di Dewan Rakyat akan turut mempengaruhi kehidupan masyarakat. Datuk Irmohizam Ibrahim (BN-Kuala Selangor) berkata apa yang penting sekarang semua pihak perlu mengeneppikan sentimen politik bagi memastikan kelangsungan kemajuan negara dapat dilaksana dengan sempurna. "Seluruh wakil rakyat perlu bersatu-padu, buang persepsi politik dan meletakkan kepentingan rakyat di hadapan. Kita perlu bekerjasama demi memastikan rakyat dapat hidup dengan sejahtera.

"Pembangkang juga perlu menerima keputusan PRU13, ia merupakan keputusan yang telah dibuat rakyat dan membantu kerajaan sedia ada untuk terus maju ke depan," katanya.

Sementara itu Timbalan Menteri Dalam Negeri Datuk Wan Junaidi Tuanku Jaafar mahu setiap anggota dewan rakyat mengambil berat titah Seri Paduka yang mengingatkan semua pihak supaya tidak membuat perkara yang boleh memusnahkan negara. "Peringatan ini bertepatan dengan masa dan relevan. Kita tidak mahu negara hancur kerana naluri politik keterlaluan seperti kita lihat di negara luar," katanya yang merupakan bekas Timbalan Yang Dipertua Dewan Rakyat.

-- BERNAMA

Copyright © 2013 BERNAMA

Source: <http://www.bernama.com/bernama/v7/bm/newsindex.php?id=958717>